

**Pertubuhan Kerabat Raja Jembal Kelantan Cari Anggota Keluarga
Bernama
17 April , 2012**

BACHOK, 17 April (Bernama) -- Pertubuhan Kerabat Raja Jembal Kelantan kini sedang mengesan keluarga keturunan Raja Jembal yang dipercayai ramai menetap di luar negeri ini, untuk menganggotai pertubuhan itu.

Yang Dipertuanya, Nik Yusoff Nik Mohamad berkata pertubuhan itu mahu menghimpunkan keluarga keturunan Raja Jembal dan menjalankan aktiviti berfaedah untuk mereka termasuk kebajikan masa depan anggotanya.

Nik Yusoff berkata Raja Jembal menduduki takhta pemerintahan Sultan Kelantan sekitar 1638 hingga 1721 yang bermula sebagai pemerintahan Raja Sakti dan menetap di sekitar pekan Kedai Lalat, dekat sini, yang kini dikenali sebagai Kota Jembal.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Kota Baharu (MPKB) yang menamakan pasar besar di Kota Jembal sebagai Pasar Kota Jembal.

"Ini merupakan suatu penghargaan tidak ternilai kepada anggota pertubuhan kerabat diraja itu, khasnya kepada generasi muda mengenai asal usul sejarah awal kesultanan Kelantan," katanya kepada Bernama di sini Selasa.

Mengenai sesetengah pihak yang menyalahgunakan logo atau lambang pertubuhan pada kenderaan untuk kepentingan peribadi, Nik Yusoff berkata pihaknya tidak bertanggungjawab dengan tindakan mereka itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659604>